

Tiada cadangan pilihan raya umum awal — PM

UM 2 APR 2002

KUALA LUMPUR 1 April — Kerajaan tidak bercadang mengadakan pilihan raya umum lebih awal walaupun Barisan Nasional (BN) mencatatkan kemenangan besar dalam beberapa pilihan raya kecil yang diadakan sejak tahun 1999.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan pilihan raya umum lebih awal sebagai tidak perlu kerana kerajaan masih mempunyai banyak masa.

“Apa perlunya (pilihan raya umum awal). Kita baru sahaja mengadakan pilihan raya tahun 1999 dan kite ada masa yang banyak sehingga tahun 2004,” katanya kepada pemberita selepas mempenyerikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau diminta mengulas kemungkinan kerajaan mengadakan pilihan raya umum lebih awal berikutan prestasi baik BN dalam beberapa pilihan raya kecil selepas pilihan raya umum 1999.

Kecuali kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas, kesemua pilihan raya kecil yang lain iaitu DUN Sanggang di Pahang, DUN Indera Kayangan di Perlis, DUN Likas di Sabah, DUN Ketari di Pahang, Parlimen Teluk Kemang di Negeri Sembilan dan pilihan raya negeri Sarawak disapu bersih oleh BN dengan majoriti lebih besar.

Bagi kerusi Lunas di Kedah yang diadakan bulan November tahun 2000, BN tewas kepada Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dengan majoriti 530 undi sahaja.

Sebelum ini, beberapa pemimpin pembangkang termasuk Pengerusi DAP, Lim Kit Siang turut membayangkan kemungkinan pilihan raya umum akan diadakan lebih awal.

Mereka berpendapat, sokongan dan keyakinan semula rakyat terhadap BN mungkin memberi ilham kepada Perdana Menteri untuk mengadakan pilihan raya umum lebih awal.

Dr. Mahathir seterusnya meminta semua pihak supaya tidak terlalu memikirkan

tentang pilihan raya umum kerana beliau sendiri belum memikirkannya.

“Saya dengar pemandu teksi pun tahu bila pilihan raya ini (akan diadakan) sebelum saya tahu. Saya hairan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kemenangan BN dalam pilihan raya kecil DUN Ketari semalam membuktikan UMNO masih relevan dan diperlukan oleh rakyat.

Sebaliknya, tegas beliau, pihak yang sering mengatakan UMNO sudah tidak

relevan, adalah pihak yang tidak relevan sekarang ini.

“Ketari membuktikan UMNO masih relevan, jauh daripada menjadi tidak relevan dan orang yang sering berkata UMNO tidak relevan, sekarang nampak mereka pula tidak relevan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kesedaran di kalangan rakyat dan ahli UMNO terhadap parti itu dan BN semakin meningkat termasuk di kalangan kaum Cina.

Sementara itu, Timbalan

Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, MT hari ini memutuskan supaya seorang ahli UMNO, Mansor Ariffin dipecat.

Katanya, tindakan itu diambil kerana dia didapati menyokong parti pembangkang dalam pilihan raya kecil di Ketari dan melakukan fitnah terhadap UMNO.

Selain itu, kata Abdullah, MT hari ini juga meluluskan penubuhan 20 buah cawangan UMNO di seluruh negara.